

'Kerajaan tentukan caj tambahan gunting rambut'



Iskandar ketika mempengerusikan mesyuarat khas bersama Gabungan Pendandan Rambut Malaysia di Putrajaya, semalam.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

Putrajaya: Gabungan Pendandan Rambut Malaysia menyerahkan kepada kerajaan untuk menentukan keputusan berhubung caj tambahan susulan peningkatan kos pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi perkhidmatan itu.

Perkara itu dicapai dalam pertemuan gabungan itu dengan Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman, di sini, semalam bagi membincangkan isu caj tambahan berkenaan.

Jika kerajaan membenarkan caj tambahan dikenakan nanti, gabungan itu juga bersetuju untuk tidak menetapkan satu kadar standard terhadap pelanggan masing-masing bagi mengelakkan wujud unsur kartel dalam kalangan pengusaha perkhidmatan gunting dan dandan rambut.

Iskandar berkata, caj tambahan yang dinyatakan gabun-

gan itu sebelum ini, antara lain bertentangan dengan Akta Persempenaan 2010.

Bagaimanapun, beliau berkata, perincian mengenai hasil pertemuan itu akan dimaklumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, dalam tempoh terdekat.

"Ia membabitkan jumlah caj bersesuaian yang boleh dikenakan kepada pelanggan, selain kita turut membincangkan sama ada ia boleh dikenakan kepada pengguna atau sebaliknya.

"Pertemuan bersama ahli gabungan berkenaan juga berjalan lancar dengan perbincangan dilakukan secara kondusif. Mereka sangat memahami masalah rakyat dan bersetuju memper-tingkatkan apa juga keputusan akan dibuat kerajaan.

"Saya berharap orang ramai boleh bersabar dan saya yakin isu ini dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat," katanya ketika dite-

mui BH selepas pertemuan itu. Sabtu lalu, caj gunting dan dandan rambut dilaporkan akan dinaikkan antara RM5 hingga RM10 bagi setiap pelanggan susulan peningkatan kos operasi pematuhan SOP terhadap perkhidmatan itu.

Caj itu dipersetujui tujuh per-satuan gunting rambut yang menyertai Gabungan Pendandan Rambut Malaysia pada mesyuarat diadakan baru-baru ini.

Tujuh persatuan itu adalah Persatuan Pendandan Malaysia (MHA); Persatuan Pendandan Bumiputera (BUHA); Persatuan Penggunting Rambut Bumiputera (MBBA); Persatuan Pembinaan Kemahiran Dandan Rambut (HSDA); Persatuan Pemerksaan Jurugaya Rambut India Malaysia (MIHASS); Persatuan Pengusaha Jurugaya Rambut India Malaysia (MIN-DAS) dan Persatuan Jurugaya Rambut India Selangor Wilayah Persekutuan (PJRTISWP).